

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	18/8/2019	MUKA SURAT	: 15
JABATAN	:	BMG / JMG		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Lombong bauksit di Johor

JMG tak pernah beri kebenaran

Tiada surat kelulusan dikeluarkan untuk aktiviti melombong

Oleh Fitri Nizam dan Mohd Fahmi Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my



Shahar Effendi Abdullah Azizi

Kuala Lumpur: Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) tidak pernah mengeluarkan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong kepada mana-mana pihak untuk aktiviti perlombongan bauksit dalam kawasan tanah rancangan FELDA di Johor.

Ketua Pengarahnya, Datuk Shahar Effendi Abdullah Hazizi, berkata pihak yang mahu melakukan aktiviti perlombongan, termasuk bauksit di negara ini, perlu mengemukakan permohonan dan mendapatkan kebenaran kerajaan negeri serta jabatan itu.

Katanya, semua aktiviti perlombongan perlu mematuhi ketetapan Akta Pembangunan Mineral 1994 serta Enakmen Mineral Negeri dan berdasarkan perunda-

ngan, pengusaha lombong di tanah milik perlu terlebih dahulu memohon tenemen (lesen) mineral daripada pihak berkuasa negeri.

“Permohonan itu hendaklah turut merangkumi kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Seterusnya, pengusaha perlu memohon Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong daripada JMG sebelum memulakan kerja di tapak perlombongan,” katanya.

Mengenai isu di Johor, beliau berkata, semakan rekod JMG mendapati jabatan itu tidak pernah menerima sebarang permohonan surat kelulusan, sama ada daripada FELDA atau syarikat perlombongan berkaitan untuk



Keratan akhbar BH baru-baru ini

memulakan operasi perlombongan bauksit di Kota Tinggi.

“Maklumat daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Johor juga mendapati tiada tenemen mineral dikeluarkan kepada syarikat berkenaan untuk melombong bauksit di kawasan yang dinyatakan,” katanya.

Beliau mengulas laporan BH mengenai usaha syarikat The One Minerals Mining Sdn Bhd (TOMM) dan firma pelaburan Hong Kong, Via East West Capital (VEWC) melabur AS\$350 juta (RM1.47 bilion) untuk melom-

bong 2,833 hektar bauksit di tanah milik FELDA sekitar Kota Tinggi bagi tempoh lima tahun akan datang.

Pengarah Urusan TOMM, Looi Kam Yong dilaporkan berkata, permohonan mendapatkan kebenaran bagi kajian dan usaha sama penoreka menjalankan pengeluaaran mineral bauksit dibuat melalui syarikat tujuan khas, Watian Bijaksana Sdn Bhd (Watian Bijaksana) dan bukan melalui TOMM.

Shahar Effendi berkata, JMG juga sudah merujuk beberapa

agensi berkaitan seperti JAS Johor dan FELDA Wilayah Johor Bahru untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkara sama.

“Bagaimanapun, semua agensi berkenaan tidak mengetahui berkaitan cadangan atau sebarang kelulusan perlombongan diberi kepada syarikat terbabit.

“JMG ingin mengingatkan pihak yang ingin melabur dalam industri perlombongan hendaklah mematuhi perundangan dan peraturan ditetapkan pihak berkuasa di peringkat Persekutuan dan negeri seperti Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen Mineral Negeri,” katanya.

Di **Johor Bahru**, Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahrudin Jamal, berkata sehingga kini, tiada sebarang permohonan dibuat kepada Majlis Daerah Kota Tinggi, PTG atau bagi menjalankan EIA untuk perlombongan bauksit di kawasan dimaksudkan.

“Apabila tiada permohonan, kerajaan negeri sehingga hari ini memang tidak pernah luluskan sebarang lesen perlombongan bauksit di Kota Tinggi,” katanya ringkas ketika ditemui selepas Majlis Prapelanncaran Tahun Melawat Johor 2020, semalam.

